

Bergambar di hadapan Angkor Wat yang juga satu daripada tapak warisan dunia.



Oleh Noorumaîna Mohamed Yunus
bhvarsiti@bh.com.my

► Kemboja

Pelajar USIM jadi fasilitator forum

Pelajar Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin sekali lagi diberi penghormatan sebagai fasilitator penggerak bagi menjayakan 1st World Heritage Youth Forum in Asia 2015 di sini, baru-baru ini.

Pemilihan anak muda berusia 24 tahun itu dibuat oleh Pusat Warisan Dunia di bawah Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) berikutan kecemerlangannya ketika mewakili Malaysia di World Heritage Youth Forum Qatar pada tahun 2014.

Muhammad Iqmal berkata, program belia warisan dunia berkenaan menghimpunkan delegasi daripada negara-negara Asia Pasifik yang julung kali diadakan pada peringkat Asia.

Kendali aktiviti

Katanya, program itu adalah kesinambungan forum yang telah dilaksanakan pada peringkat dunia dengan melihat kepada keperluan warga sejagat, terutama negara-negara Asia Pasifik dalam memastikan generasi mudanya bersedia menyambung usaha mengekalkan tapak warisan dunia di Asia.

"Pada forum kali ini, saya bersama-sama wakil Pusat Warisan Dunia menjadi fasilitator mengendalikan pelbagai aktiviti termasuk syarahan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan dunia dan perbincangan peranan belia Asia.

"Turut diadakan malam kebudayaan, sesi simulasi persidangan perwakilan warisan dunia, menyediakan resolusi belia Asia terhadap warisan dunia serta lawatan ke Angkor Wat yang juga satu daripada tapak warisan dunia di Asia," katanya.

Muhammad Iqmal Hisham berkata, forum

berkenaan bertujuan menyedarkan generasi belia Asia akan pentingnya pembabitannya mereka, bukan saja sebagai pewaris tetapi juga sebagai sebahagian penggerak dalam misi memelihara dan memulihara tapak warisan dunia itu sendiri.

"Antara perkara yang dibincangkan sepanjang forum termasuklah cabaran semasa terhadap tapak warisan dunia di Asia seperti bencana alam, peperangan, pencurian khazanah di tapak warisan, pencemaran serta pembangunan pesat.



Peserta 1st World Heritage Youth Forum in Asia 2015 bergambar kenangan.